

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**



**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK
BIL. 1 TAHUN 2010**

Semua Pegawai Pengawal,
Negeri Perak Darul Ridzuan.

**PERWAKILAN KUASA PINDAH PERUNTUKAN
PERBELANJAAN MENGURUS**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan mengenai pindah peruntukan (*virement*) perbelanjaan Mengurus bagi semua Jabatan Negeri Perak.

LATAR BELAKANG

2. Menurut subseksyen (4) Seksyen 15 Akta Prosedur Kewangan 1957, Menteri Besar boleh mengarahkan supaya tambahan dibuat kepada mana-mana peruntukan yang kekurangan dengan mengambil daripada mana-mana peruntukan yang mempunyai lebihan.
3. Berdasarkan Warta Kerajaan Negeri Perak No. 472 hingga 496 bertarikh 12 Mei 2005, YAB. Menteri Besar Perak telah mewakilkan kuasa pindah peruntukan kepada YB. Pegawai Kewangan Negeri sehingga RM100,000.00 bagi Maksud Mengurus dan Pembangunan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2005.

4. YAB. Menteri Besar Perak juga telah mewakilkan kuasa pindah peruntukan kepada Pegawai Pengawal (Ketua Jabatan) sehingga RM5,000.00 di bawah Maksud Mengurus berkuat kuasa mulai 1 Januari 2005.

PERATURAN BARU

5. Bagi memudahkan dan mempercepatkan pengurusan kewangan, YAB. Menteri Besar Perak melalui Warta Kerajaan Negeri Perak no. 1456 hingga 1480 bertarikh 22 Oktober 2009 dan Warta Kerajaan no. 1848 dan 1849 bertarikh 31 Disember 2009, telah bersetuju untuk menurunkan kuasa pindah peruntukan kepada **semua Pegawai Pengawal (Ketua Jabatan) sehingga RM10,000.00** di bawah **Maksud Mengurus** berkuat kuasa mulai **1 Jun 2009**.

6. Penurunan kuasa ini adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan seperti berikut:

- i) Penurunan kuasa hanya bagi pindah peruntukan **tidak melebihi RM10,000.00** bagi setiap Objek Sebagai di bawah **Maksud Mengurus sahaja**.
- ii) Waran pindah peruntukan dari Aktiviti dan Objek Sebagai yang mempunyai lebihan kepada Aktiviti dan Objek Sebagai yang berkurangan hendaklah **ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri**.
- iii) Pegawai Pengawal diberi kuasa memindah peruntukan dari Objek Sebagai kepada Objek Sebagai yang lain **dalam Aktiviti yang sama atau berlainan**.
- iv) Pegawai Pengawal **tidak dibenarkan** membuat pindah peruntukan bagi tujuan penambahan kepada Objek Sebagai yang sama, yang sebelumnya telah dipindah kurangkan.
- v) Pegawai Pengawal **tidak dibenarkan** membuat pindah peruntukan yang melibatkan **dasar baru, one off** dan **Objek Am 10000 - Emolumen** kecuali setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Pejabat Kewangan Negeri.

- vi) Semua permohonan pindah peruntukan sama ada di peringkat Pegawai Pengawal, YB. Pegawai Kewangan Negeri atau YAB. Menteri Besar Perak hendaklah menggunakan borang seperti di **Lampiran A**.
 - vii) Pegawai Pengawal dikehendaki **menghantar laporan pindah peruntukan** yang dilakukan di jabatan masing-masing kepada Pejabat Kewangan Negeri **setiap suku tahunan** dengan menyertakan **salinan Lampiran A** dan **salinan waran pindah peruntukan** berkenaan untuk tujuan rekod.
7. Semua Pegawai Pengawal diingatkan supaya membuat agihan peruntukan tahunan dengan tepat dan secukupnya serta mengurangkan pindah peruntukan.

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling Kewangan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HJ. AHMAD)
Pegawai Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

Tarikh: Januari 2010

s.k. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Pengarah
Jabatan Audit Negara (Cawangan Perak)

Bendahari Negeri
Perak Darul Ridzuan